



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 43 RABU 24HB. OKTOBER, 1973.

1393 رابو 27 رمضان

PERCHUMA

Selamat Hari Raya Aidil-Fitri



Awg. Haji Mashud ketika di-perkenalkan kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong sa-belum pertandingan di-mulakan. Sedang memerhati ia-lah Awang Tahir dan Hajjah Dayang Damit binte Mohd. Yusof, kanan sekali.

Qari dan qariah kita berjaya dalam Pertandingan Membacha Quran A-Bangsa

AWANG HAJI MASHUD DAPAT TEMPAT YANG KETIGA

BANDAR SERI BEGAWAN.

Negeri Brunei telah berjaya mendapat tempat yang ketiga dalam peraduan membacha kitab suci Al-Quran peringkat antara bangsa di-Kuala Lumpur yang berakhir pada 18hb. Oktober lepas. Ini ada-lah pertama kali-nya bagi Negeri Brunei mendapat ke-

menangan itu sa-telah menyertai peraduan tersebut sejak tahun 1961.

Kemenangan Brunei itu telah di-chipta oleh qari Awang Haji Mashud bin Awang Damit. Beliau telah mewakili Brunei ka-pertandingan itu sa-banyak empat kali termasuk pada tahun ini. Tahun2 beliau mewakili Brunei itu ia-lah 1965, 1971 dan 1972.

Kedudukan mata yang diperolehi oleh pemenang2 dalam bahagian qari ia-lah: Johan, Md. Taqi Morowat dari Iran mendapat markah 94.9 mata; Naib Johan, Md. Afandi Haji Siraj dari Malaysia mendapat 92.8 mata; ketiga, Awang Haji Mashud dari Brunei mendapat markah 91.3 mata.

Wakil Brunei dalam bahagian qariah pula, Hajjah Dayang Damit binte Md. Yusof telah mendapat tempat yang ke-empat dengan memperolehi markah sa-banyak 86.4 mata. Ini-lah kali yang kedua bagi Hajjah Dayang Damit mewakili Brunei dalam pertandingan itu dan kali yang pertama ia-lah pada tahun 1966.

Sa-orang lagi qari yang mewakili Brunei ka-pertandingan itu ia-lah Awang Md. Tahir bin Jaafar. Beliau pertama kali-nya telah menyandang gelaran Naib Johan dalam pertandingan sa-Negeri Brunei dan juga pertama kali-nya turut mewakili Brunei dalam pertandingan di-peringkat antara bangsa pada tahun ini.

(Lihat muka 8)

Kolera di-Kuching: Orang ramai di-minta buka langkah jaga2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Brunei telah menerima maklumat dari pihak berkuasa kesihatan Malaysia bahawa Kuching,

Sarawak telah di-istiharkan sa-bagai kawasan yang di-jangkiti oleh penyakit kolera sejak 16hb. Oktober yang lalu.

Sa-bagai langkah untuk mengelakkan penyakit tersebut dari merebak ka-negeri ini, pihak Jabatan Kesihatan Brunei telah mengingatkan orang ramai di-negeri ini supaya mengambil langkah kesihatan yang perlu.

Orang ramai hendak-lah menjaga kesihatan dengan chara tidak memakan makanan yang sejok dan ayer hendak-lah di-masak sa-belum diminum.

Mereka juga di-nasehatkan supaya menggunakan ayer panas untuk mencuci pinggan dan magkok terutama di-kedai2 makan. Sampah sarap hendak-lah di-bakar atau di-tanam.

Barang makanan dan bekalan ayer dan pinggan mangkok hendak-lah jangan di-biarkan terdedah dari di-hinggapi oleh lalat.

Sementara itu Kementerian Kesihatan Kuala Lumpur telah menasahkan bahawa Kudat, di-Sabah telah di-istiharkan bebas dari di-jangkiti oleh penyakit kolera sejak 15hb. Oktober yang lalu.

Penuntut2 dalam keadan selamat

PENUNTUT2 Brunei yang sekarang sedang belajar di-Cairo, Mesir ada-lah dalam keadaan selamat.

Satu kawat yang di-terima oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dari ketua penuntut yang sedang menuntut di-Universiti Al-Azhar menyatakan bahawa penuntut2 itu ada-lah dalam keadaan baik dan selamat.

Ketua penuntut itu juga mengingatkan ibu-bapa dan keluarga di-Brunei supaya tidak merasa bimbang atas keselamatan semua penuntut Brunei di-Cairo.


MELIHAT ANAK BULAN SHAWAL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 dari Jabatan Hal-Ehwal Ugama dengan kerjasama pegawai2 dari Jabatan Ukur akan pergi melihat anak bulan Shawal pada petang hari Jumaat 26hb. Oktober bagi menentukan Hari Raya Puasa bagi tahun Hijrah 1393.

Pegawai2 itu akan pergi melihat anak bulan itu di-tiga buah tempat ia-itu di-Bukit Tabor, Bintang di-Berakas, Istana Pantai di-Tutong dan Sungai Bera di-Seria.

Jika anak bulan Shawal nampak pada petang hari Jumaat itu, maka Hari Raya akan jatuh pada hari Sabtu 27hb. Oktober dan jika tidak nampak, maka Hari Raya akan tetap jatuh pada hari Ahad 28hb. Oktober, 1973.

Jabatan Hal Ehwal Ugama juga mengumumkan bahawa sembahyang Hari Raya di-semua mesjid2 di-seluruh negeri akan di-mulakan pada pukul 7.30 pagi.



\$12,300 derma pertama firma2 perniagaan untok tabong stadium

KUALA BELAIT. — Pengerusi Jawatankuasa Tabong Pembinaan Stadium Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar telah menerima sa-keping chek berharga \$12,300.00 dari firma2 perniagaan di-Seria dan Kuala Belait untok derma pembinaan stadium.

Derma tersebut telah di-sampaikan oleh Awang Clement Chia di-Pejabat Pegawai Daerah pada minggu lalu (gambar kiri).

Menderma sa-lama 3 tahun

Awang Clement Chia berkata derma tersebut ada-lah hasil kutipan dalam masa enam bulan oleh firma2 perniagaan di-Seria dan Kuala Belait dan firma2 itu akan terus berbuat demikian untok sa-lama tiga tahun lagi.

Sumbangan yang kedua akan di-sampaikan kepada Jawatankuasa Tabong Pembinaan Stadium Daerah Belait awal tahun depan.

Penyampian surat lantekan Ketua Kampong Beribi

KAMPONG BERIBI. — Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Jaya bin Abdul Latif, mewakili Pegawai Daerah Brunei-Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, telah menyampaikan surat lantekan kepada Awang Sukor bin Bakar, Ketua baru Kampong Beribi.

Upacara penyampian surat tersebut telah di-langsungkan di-Sekolah Melayu Beribi pada minggu lalu dan di-hadiri oleh penduduk2 kampung itu.

Berucap di-upacara penyampaian surat lantekan itu, Awang Jaya antara lain meminta semua penduduk di-kampung itu supaya memberikan kerjasama mereka kepada Awang Sukor yang akan memikul tanggung-jawab sa-bagai Ketua Kampong.

Awang Jaya juga meminta mereka supaya sentiasa bermaufakat dan berunding mengenai hal ehwal mereka dengan ketua kampung untok tindakan2 yang patut dan sesuai di-ambil bagi satu2 perkara.

Ini ada-lah pertama kali surat lantekan ketua kampung di-sampaikan di-hadapan penduduk2 kampung tersebut.

Awang Sukor, berumur 46 tahun di-lantek menjadi ketua kampung bagi menggantikan Awg. Haji Nasar bin Puasa yang telah meninggal dunia.

ASKAR Melayu Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei telah mengadakan latihan tentera bersama pada minggu lalu.

Latihan itu tertumpu di-kawasan Bandar Seri Begawan dan beberapa pergerakan tentera dan polis telah di-adakan dalam masa latihan sa-lama dua hari itu.

Gambar kanan menunjukkan beberapa orang anggota polis yang mengambil bahagian dalam latihan itu kelihatan sedang bergerak melalui Jalan Chevalier.

Sambutan Nuzul Al-Quran di-Sungai Liang

SUNGAI LIANG. — Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar telah merasmikan sambutan Nuzul Al-Quran bagi Daerah Belait bertempat di-Mukim Sungai Liang pada malam Ahad minggu lalu.

Sa-belum merasmikan sambutan tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah bersabda bahawa majlis yang di-adakan itu tidak akan di-sia2kan dan hasil daripada sambutan itu akan di-jadikan panduan dan ingatan buat selama2-nya.

Dalam sabda ucapan-nya di-majlis, itu Yang Amat Mulia juga mengucapkan tahniah kepada penduduk2 Mukim Sungai Liang terutama kepada ahli2 jawatankuasa yang telah mengator bagi menjayakan sambutan tersebut.

Beliau juga berharap semoga langkah yang mulia itu akan dapat di-ikuti oleh penduduk2 di-kampung lain di-Daerah Belait.

Turut juga memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Kadzi Daerah Belait Haji Abang Razali bin Haji Abang Zainuddin yang juga menjadi Pengerusi sambutan.

Di-antara achara2 yang telah di-adakan dalam sambutan itu ia-lah peraduan menghafaz ayat2 Quran bagi perempuan dewasa, membaca Fate'ah bagi orang2 mualaf lelaki.

Keputusan2 peraduan itu ada-lah seperti berikut:-

Bahagian menghafaz ayat2 Quran — pertama, Dayang Saedah binte Mustapha; kedua, Dayang Fatimah binte Abdul Ghani dan ketiga, Dayang Saerah binte Abdul Rahman.

Bahagian membaca Fate'ah (Lihat muka 3)

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara mengucapkan terima kasih atas sumbangan mereka itu bagi menjunjung titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Peraturan dan Yang Amat Mulia itu berharap langkah itu akan di-chontohi oleh firma2 lain di-daerah tersebut.

Meningkat \$140,000

Sementara itu, sa-orang juruchakap Jawatankuasa Kerja Tabong Pembinaan Stadium Daerah Belait menyatakan sa-takat ini jawatankuasa itu telah mengumpulkan lebih dari \$140,000 sejak kempen mengutip derma di-lancarkan di-daerah tersebut awal bulan Disember tahu lalu.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM





GAMBAR atas menunjukkan qari2 dan qariah yang telah mewakili Brunei ka-Pertandingan Membacha Quran Peringkat Antara Bangsa di-Kuala Lumpur baru2 ini.

Mereka ia-lah Awang Haji Mashud bin Awang Damit, Hajjah Dayang Damit binte Mohd. Yusoff dan Awang Tahir bin Haji Ja'afar.

Di-kiri sekali ia-lah Dayang Masni binte Haji Abdul Manaf, naib-johan qariah peringkat negeri yang juga turut menyertai qari2 dan qariah ka-Kuala Lumpur (Berita lanjut di-siarkan di-muka 1). — Gambar JHEU/BP.

Bakal2 haji di-minta menentukan Sheikh2 semasa berada di-Mekah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih dari 700 orang bakal2 haji Brunei yang menaiki kapal laut dan kapal terbang telah di-minta supaya menentukan Sheikh2 mereka sa-masa berada di-Mekah dan di-Medinah nanti.

Pejabat Hal Ehwal Ugama Bahagian Urusan Haji telah menetapkan Sheikh2 haji untuk di-pilih oleh bakal2 haji itu.

Sheikh bakal2 haji sa-masa mereka berada di-Mekah ia-lah Sheikh Ibrahim dan Sheikh Ali Yassin Abdul Majid sementara Sheikh di-Medinah ia-lah Mohammad Hamid dan As'ad Taufik.

Kira2 400 orang bakal2 haji Brunei itu akan berangkat dalam penerbangan pertama ka-Jeddah pada 3hb. Disember dan balek ka-tanah ayer pada 23hb. Januari.

Lebih dari 300 orang lagi akan berangkat dalam penerbangan kedua pada 5hb. Disember dan balek pada 25hb. Januari.

Giliran penerbangan bakal2 haji itu sedang di-ator dan ketetapan akan di-beritahu kemudian.

Sementara itu lebih dari 30

orang bakal2 haji Brunei akan bertolak ka-Labuan pada 3hb. Nobember dan dari Labuan mereka akan menaiki kapal haji 'Malaysia Baru' untuk pergi ka-Jeddah.

Mereka di-jadualkan sampai di-Jeddah pada 21hb. Nobember dan balek ka-Brunei pada 1hb. Mach 1974.

(Dari muka 2)

ah — pertama, Awang Mohamed Daud bin Lian; kedua, Awang Mohamed Isa bin Abdullah dan ketiga Awang Azarie bin Abdullah.

Hadih2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Yang Amat Mulia juga menyampaikan sijil2 kelas dewasa kepada 8 orang penuntut perempuan yang telah lulus pada tahun lepas.

Zakat fitrah pembersehh badan orang yg berpuasa

SALAH satu daripada rukun Islam ia-lah mengeluarkan zakat ia-itu termasuk zakat fitrah. Dalam sa-buah hadith ada diterangkan yang bermaksud:

“Rassulullah s.a.w. telah mewajibkan zakat fitrah sa-bagai pembersehh bagi orang yang berpuasa daripada yang sia2 dan perkataan kotor dan sa-bagai memberi makan bagi orang2 miskin”.

Hadith ini menunjukkan bahawa zakat fitrah itu ada-lah merupakan kewajiban yang mesti di-tunaikan oleh sa-seorang Islam yang menchukopi syarat2 berfitrah bagi maksud membersehhkan diri orang yang berpuasa daripada kechatatan2 yang terdapat sa-lama mengerjakan puasa termasuk-lah menuturkan kata2 yang berupa umpat keji, maki hamun dan perkataan serta perbuatan yang sia2 dan luhah. Di-samping itu ia-nya juga ada-lah merupakan pertolongan yang sangat berarti bagi orang2 yang susah dan melarat hidup-nya supaya tidak-lah mereka merasa lapar dan dahaga sedangkan orang lain kenyang dan bahagia.

Rassulullah s.a.w. telah merentahkan umat Islam supaya menyerahkan zakat dan fitrah kepada pemerintah masing2 supaya segala pentadbiran dan pembahagian serta segala urusan yang bersangkut dengan zakat dan fitrah itu akan dapat di-jalankan sesuai dengan hukum2 shari'at Islam. Sabda Rassulullah s.a.w. yang bermaksud:

“Hai orang2 Islam serahkan-lah sedekah2 kamu (zakat) kepada pemerintah yang telah Allah lantek bagi menjaga hal ehwal kamu, maka barang siapa yang telah ta'at kepada perintah Allah itu neschaya ia telah berbuat baik kepada diri-nya sendiri dan barang-siapa yang engkar maka dialah sendiri yang menanggung dosa”.

Berkata Abu Hurairah r.a. bahawa Rassulullah s.a.w. telah berwakil kepada saya menjaga harta zakat Ramadhan (fitrah yang terhimpun).

Daripada keterangan2 tersebut jelas kepada kita baha-

“Sikap bertolak-dalik dan sungutan2 pada mengeluarkan fitrah menchermin hati yang tiada tulus ikhlas dalam menunaikan ibadat kapada Allah”

wa mengutip dan menghimpunkan zakat dan fitrah itu sudah berjalan pada zaman Rassulullah s.a.w. dan telah di-ikuti oleh Khalifah2 Islam sa-sudah Baginda. Dan bagi kita umat Islam di-negeri ini undang2 berkenaan kutipan zakat fitrah telah pun di-kuatkuasakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sejak beberapa tahun yang lalu.

Ada-lah tidak menasabah bagi sa-seorang Islam yang mengaku ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya serta kepada kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan Baginda bertolak dalik dalam mengeluarkan zakat atau fitrah kapada amil2 yang telah di-lantek. Sikap bertolak dalik di-tambah dengan sungutan2 yang tertentu pada mengeluarkan fitrah itu ada-lah menchermin hati yang tiada tulus dan ikhlas dalam menunaikan ibadat kapada Allah. Kerana kalau dengan hati yang tulus ikhlas tentu-lah tidak timbul sungutan2 atau tindakan2 sa-bahagian kechil dari umat Islam yang maseh keberatan menyerahkan fitrah kapada sa-tengah2 amil.

Dengan ini sukachita di-sejukan kepada umat Islam supaya mengeluarkan dan menyerahkan fitrah masing2 kapada amil2 yang telah di-lantek bagi kutipan zakat dan fitrah di-tempat2 masing sesuai dengan amalan yang di-buat di-zaman Rassulullah s.a.w. dan di-zaman Khalifah2 Islam sa-sudah Baginda kerana hukum menyerahkan zakat atau fitrah kapada pemerintah itu ada-lah baik dan lebih abdal daripada menyerahkan-nya terus kapada asnaf yang tertentu.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 24hb. Oktober, hingga ka-hari Selasa 30hb. Oktober, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
24hb. Okt.	12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05
25hb. Okt.	12-11	3-29	6-19	7-2b	4-33	4-48	6-05
26hb. Okt.	12-10	3-29	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05
27hb. Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05
28hb. Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05
29hb. Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05
30hb. Okt.	12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-sehuroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(24hb. Oktober, 1973.)

PEMBACHAAN QURAN

MUTU pembacaan kitab suci Al-Quran di-pertandingan antara bangsa oleh qari dan qariah dari Brunei tahun ini sangat2 mengembirakan apabila mereka muncih di-tempat ketiga bahagian qari (Awg. Haji Mashud b. Awg. Damit) dan di-tempat ke-empat bahagian qariah (Hajjah Dayang Damit bte. Mohd. Yusof). Menurut keputusan. Brunei telah mendapat markah Tajwid 39.3% dari markah penuh 40% sama markah-nya yang di-berikan kepada Iran, ini menunjukkan markah yang tertinggi sa-kali dari markah semua peserta sementara Malaysia hanya mendapat 38.5%.

Brunei telah di-kalahkan dalam bahagian lagu dan suara dengan hanya mendapat 33% dari markah penuh 40% sementara Malaysia mendapat 34.3% dan Iran 35.6%.

Brunei di-beri markah dalam bahagian Fasihah sa-banyak 19% daripada markah penuh 20%, Malaysia dan Iran masing2 mendapat 20%. Ini menjadikan kedudukan Brunei mendapat 91.3% jatuh di-tempat ketiga, Malaysia 92.8% mendapat Naib Johan dan Iran 94.9% Johan.

Dalam bahagian qariah pula, peserta dari Brunei Hajjah Dayang Damit mendapat markah 86.4% (ke-empat) Filipina 92.3% (ketiga) Indonesia 92.9% (Naib Johan) dan Malaysia 96.9% (Johan).

Bagaimana pun qariah dari Brunei mengalahkan peserta2 dari negeri Thai, Singapura, Republik Khmer dan Vietnam.

Kejayaan qari dan qariah dari Brunei itu boleh-lah di-sifatkan sangat besar erti-nya kepada Umat Islam di-Brunei di-samping dapat meyakinkan dan seterusnya memberi semangat baru kepada pembaca2 kitab suci Al-Quran di-negeri ini untuk mereka lebih berusaha dengan tekun-nya dalam men-chapai matalamat ia-itu terus meninggikan mutu pembacaan mereka yang di-harapkan tidak mahu ketinggalan dari negara2 Islam lain-nya dalam mengejar kemajuan di-dunia dan kemuliaan di-akhirat.

Sa-panjang yang kita tahu bahawa Brunei telah menghantar perwakilan-nya terdiri dari qari2 dan qariah sa-tiap tahun ka-pertandingan membaca kitab suci Al-Quran sejak tahun 1961 di-Kuala Lumpur hingga sekarang dan dalam tahun2 tersebut peserta2 dari Brunei telah menunjukkan kebolehan serta bakat mereka yang ada.

Meskipun dalam apa jua jenis pertandingan pada haki-kat-nya, kalah dan menang bukan menjadi satu perhitungan tetapi sebalik-nya kejayaan dan kemenangan itu sekurang2-nya dapat di-jadikan satu ukuran sa-jauh mana bakat dan kebolehan itu di-chapai yang boleh di-jadikan satu dorongan lebih kuat untuk terus mara men-chapai matalamat-nya.

Menerusi usaha2 Jabatan Hal Ehwal Ugama dalam memupok dan memperkembangkan Ugama Islam di-segenap bidang, maka usaha2 yang nampak sekarang membokikan satu penglibatan tenaga, penumpuan fikiran yang berkreaitif.



Awang Haji Abd. Aziz Juned, Pengerusi Sambutan Nuzul Al-Quran berucap sa-belum acara pada malam itu di-mulakan.

DI-SEKITAR SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN

SA-BUAH drama sa-babak telah di-persembahkan dalam majlis Sambutan Nuzul Al-Quran yang telah di-adakan di-Dewan Raya Bandar Seri Begawan pada malam 13hb. Oktober yang lalu.

Drama yang berjudul 'Fajar Islam di-Rumah Panjang' itu ada-lah kempunchak dari acara sambutan pada malam itu. Lain2 acara termasuk-lah bacaan Quran; persembahan nashid; kasidah dan membaca sajak.

Drama tersebut mengesahkan kehidupan di-rumah panjang sa-belum dan sa-sudah menerima cahaya kebenaran Ugama Islam. Ia-nya juga menggambarkan sa-bahagian dari usaha2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama untuk menyebarkan she'ir Ugama Islam keseluruh negara khusus-nya di-kawasan2 pendalaman.

Sambutan2 yang sa-rupa juga telah di-adakan di-Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong.



Upacara pengistaman penghulu rumah panjang bersama isteri-nya sedang di-jalankan. Adigan ini terdapat dalam drama "Fajar Islam di-Rumah Panjang" yang telah di-pentaskan dalam Sambutan Nuzul Al-Quran baru2 ini. Watak sa-bagai penghulu di-dukkong oleh Pg. Tajuddin sementara watak isteri di-dukkong oleh Dayang Halus.



Awang Rais bin Baneh yang mendukong watak sa-bagai pensharah ketika sedang memberikan sharahan ugama di-rumah panjang ia-itu salah satu adigan dalam drama tersebut.

Kesebukan menjelang Hari Raya

HANYA tinggal tiga atau empat hari saja lagi kita umat Islam akan merayakan Hari Raya.

Saperti tahun2 yang sudah, tempat membeli-belah, kedai2 kain, pasar dan lain2 ada-lah menjadi tumpuan orang ramai untuk membeli persiapan untuk menyambut hari yang mulia itu.

Di-sepanjang bulan ini ada-lah merupakan bulan yang ternyata paling sebak bukan hanya di-kalangan penduduk2 yang beragama Islam, tetapi juga pekedai2, penjual2 barang2 keperluan seperti ikan, sayur2an, buah2an, kueh mueh dan lain2 lagi.

Suasana kesebukan itu dapat kita lihat dalam tiga keping gambar2 yang tersiar ini.



Peniaga2 kain baju dan lain2 juga tidak ketinggalan untuk menarik minat pembeli2 mereka. Gambar atas menunjukkan beberapa orang penjual kain baju di-kaki lima sa-buah bangunan di-Jalan Pretty sedang melayan pelanggan2 mereka.



Kedai menjual kad2 selamat hari raya juga tidak putus2 kunjongi oleh orang ramai sepanjang bulan puasa ini. Gambar atas menunjukkan beberapa orang termasuk kanak2 kelihatan memilih kad2 hari raya yang sesuai untuk di-kirim kepada saudara-mara dan sahabat handai.



Kedai2 kain baju ada-lah menjadi tumpuan bagi setiap hari menjelang hari raya ini. Gambar atas menunjukkan sa-orang ibu kelihatan sedang memilih baju untuk persiapan menyambut hari yang mulia itu.

Hampir \$1,500 lagi utk derma stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Agong Tertinggi Jawatankuasa Derma Tiong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Sri Utama Dr. Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri telah menerima sumbangan yang asingan berjumlah \$1,480.91 untuk tabung tersebut.

Dna terbesar di-terima ia-lah dari Awang Kwek Bock Seong, Pengurus Panggong assanal Bolkiah yang tidak lama lagi akan bersara dari menjadi pengurus panggong tersebut yang menderma sa-banyak \$1,000.00.

Dna itu ada-lah sa-bahagian dari hasil analisis yang di-berikan oleh Sharikat Panggong tersebut kepada-nya sa-banyak \$5,000.00 dan \$1,000.00 dari-nya di-derma-kan kepada tabung pembinaan stadium sa-bagai lanjutan bagi D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menyebarkan ta'at setia kepada Baginda.

Tatkala menerima derma tersebut Yang Berhormat itu telah mengucapkan sa-tinggi2 terima kasih dan memberikan penghargaan atas semangat-nya menderma sa-banyak 20 peratus dari pendapatan baksis-nya itu.

Semangat yang sedemikian kata Yang Berhormat itu, patut-lah menjadi contoh kepada rakyat dan penduduk negeri ini kerana ia rela dengan sa-ikhlas hati mengorbankan wang-nya sa-banyak itu untuk menjunjung titah dan menumpukan ta'at setia-nya kepada D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Lain2 derma telah di-terima dari Kelab Rotary Bandar Seri Begawan yang menderma sa-banyak \$312.41; Awang Sim Boh Sian menderma sa-banyak \$100.00; 15 orang penduduk Kampong Medewa menderma sa-banyak \$43.50 dan \$25.00 di-terima dari Awang Duraman dari Kampong Tamoi Tengah.

Peluang masok ka-Sek. Inggeris

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran mengumumkan kepada penuntut2 dari sekolah2 persendirian yang ingin memasoki sekolah2 Menengah Inggeris kerajaan bagi tahun 1974 supaya mengemukakan permohonan mereka.

Penuntut2 Primary VI memohon ka-tingkatan satu boleh-lah membuat permohonan mereka sa-baik2 saja keputusan Sijil Pelajaran Rendah di-ketahui.

Pemohonan itu di-tutup sa-lepas dua minggu dari tarikh keputusan di-umumkan.

Penuntut2 untuk memohon ka-tingkatan II, III dan V boleh-lah di-buat sa-telah keputusan peperiksaan bagi tingkatan I, II dan IV di-ketahui. Pemohonan hendak-lah sampai tidak lewat pada 10hb. Disember depan.

Penuntut2 untuk memohon ka-tingkatan IV boleh-lah di-buat sa-telah keputusan Sijil

Rendah Pelajaran di-ketahui. Permohonan di-tutup sa-lepas dua minggu dari tarikh keputusan peperiksaan itu di-umumkan.


Penuntut2 untuk memohon ka-tingkatan VI bawah, boleh-lah di-buat sa-baik2 saja di-ketahui keputusan Sijil Pelajaran Malaysia 1973. Bagi penuntut2 bukan Melayu, mereka mesti-lah lulus Bahasa Melayu.

Permohonan untuk melanjutkan pelajaran ka-tingkatan VI itu di-tutup sa-lepas dua minggu dari tarikh keputusan peperiksaan di-umumkan.

Pemohon2 hendak-lah menggunakan borang yang boleh di-dapati dari Jabatan Pelajaran dan Sekolah2 Inggeris Pusat.

Borang2 permohonan yang telah di-isi hendak-lah di-sampaikan kepada Setia Usaha Jawatankuasa Dermasiswa, Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan.

Temasha gawai yang di-sulami dengan minuman2 tuak yang terdapat dalam adigan dalam drama "Fajar Islam Di-Rumah Panjang".



Sa-bahagian dari para penuntut yang kebanyakan-nya terdiri dari kaum belia yang telah menyaksikan sambutan Nuzul Al-Quran pada malam itu.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikur di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

A. PEGAWAI PERPUSTAKAAN (2 Jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja di-sesabuh perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB. 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660.

B. PEGAWAI LUAR (1 Jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB. 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

C. JURU SALIN (1 Jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalon2 mesti-lah orang Tiong Hua dan telah lulus Peperiksaan "Chinese Senior Middle Three" dan Form III Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB. 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

D. PENYAMPUT (1 Jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris dan Darjah IV Melayu. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman sebagai Penyambut Tetamu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB. 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660.

E. PEMBANTU PEGAWAI FOTO (1 Jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang berpengalaman dalam kerja pengambilan dan penyediaan gambar. Pemohon2 mesti-lah menyertakan 2 keping gambar ukuran 12"x15" ia-itu hasil karya-nya sendiri.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1 EB.2 — \$230x10-280/EB/290x15-380.

F. PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN II (1 Jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya. Mereka hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.2 EB.3 — \$290x15-380/EB/410x20-510.

G. PEMBANTU TEKNIK TINGKATAN III (3 Jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-

banding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Ilmu Sains dan Ilmu Hisab. Mempunyai City and Guilds Certificate in Radio merupakan satu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB. 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

H. PEMBANTU PERPUSTAKAAN FILEM (1 Jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja di-sesabuh Perpustakaan Filem.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB. 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660.

Sa-bagai Penolong Pensharah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 Penolong Pensharah Maktab Perguruan Agama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

A. PENOLONG PENSHARAH MAKTAB PENGURUAN UGAMA (Lukisan dan Pekerjaan Tangan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Chalon2 hendak-lah sekurang2-nya mempunyai kelulusan S.P.M. atau yang sa-banding dengan-nya.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Perguruan dalam matapelajaran Art and Craft dari mana2 Maktab Latehan Guru yang di-akui.
- Lulus Bahasa Malaysia atau

Sa-bagai Guru Ugama Pelateh

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Guru Ugama Pelateh (Perchubaaan) di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

- Umur di-antara 17 hingga 25 tahun.
- Lulus Darjah VI Sekolah Ugama Brunei dengan mendapat sekurang2-nya pangkat III.
- Pandai dan lancar membaca Al-Quran dan mengetahui hukum tajwid.
- Lulus Sijil Rendah Pelajaran pangkat 'A' atau 'B' atau yang sa-banding dengan-nya.
- Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang lulus dengan kepujian dalam mata2 pelajaran yang berikur:
 - Pengetahuan Ugama Islam.
 - Bahasa Melayu.
 - Ilmu Hisab.
 - Sains.

Gaji:

\$200 sa-bejun dalam sukatan gaji \$200x5-210.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 10hb. Disember, 1973.

I. PEGAWAI SIARAN

(PELATEH) (2 Jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1 EB.2 — \$230x10-280/EB/290x15-380.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 29hb. Nobember. 1973.

Bahasa Melayu dalam peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

- Mempunyai pengalaman matapelajaran Art and Craft tidak kurang dari 5 tahun.

B. PENOLONG PENSHARAH MAKTAB PENGURUAN UGAMA (Latehan Jasmani)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Chalon2 hendak-lah sekurang2-nya mempunyai kelulusan S.P.M. atau yang sa-banding dengan-nya.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Perguruan dalam matapelajaran Latehan Jasmani dari mana2 Maktab Latehan Guru yang di-akui.
- Lulus Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu dalam peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
- Mempunyai pengalaman mengenai matapelajaran Latehan Jasmani tidak kurang dari 5 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — \$710x30-950/EB/1000x30-1120.

Sharat2 Lantekan:

Chalon yang berjaya yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Bagi chalon yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb. Disember. 1973.

Sa-bagai Pegawai Penyelidek

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan Pegawai Penyelidek di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Mempunyai kelulusan Sijil Tinggi Persekoiahan atau yang sa-banding dengan-nya;
- Mempunyai pengalaman kerja2 penyelidekan dalam bahasa dan kesusasteraan Melayu; dan
- Keutamaan akan di-beri kepada chalon yang menguasai (menulis dan bertutor) dan bahasa ia-itu bahasa Melayu dan Inggeris dan juga dapat menulis dan membaca jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$710 x30-950. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalon yang berjaya yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 bulan termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalon yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 15hb. Disember, 1973.

Sa-bagai J-trengkas Inggeris

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Jurtrengkas Inggeris di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dan boleh menchatet trengkas sa-chepat 80 perkataan sa-minit dan menaip 30 perkataan sa-minit. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai kelulusan akademik yang lebih tinggi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 — 410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb. Disember. 1973.

Peluang ikuti kursus City & Guilds

KUALA BELAIT. — Satu kursus baru City and Guilds akan di-mulakan bulan Januari depan di-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Kuala Belait.

Pemohon2 mesti-lah raayat Brunei dan telah mengambil Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran aliran Melayu atau Inggeris.

Keutamaan akan di-berikan kepada calon2 yang lulus dengan baik dalam peperiksaan2 tersebut, terutama sekali jika mereka lulus dalam mata pelajaran Ilmu Hisab, Sains dan Inggeris.

Chalun2 yang mempunyai kelulusan2 yang di-perlukan mungkin akan di-masokkan ka-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan itu bagi satu tempoh percubaan sa-belum dipilih.

Kursus itu berjalan sa-chalun3 jangka penoh masa hingga 3 tahun dan semua pelajar2 di-kehendaki tinggal di-Asrama Sekolah Pertukangan itu.

Borang2 permohonan yang boleh di-dapati dari Pengetua Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Peti Surat 63, Kuala Belait mesti-lah di-kembalikan tidak lewat dari 10hb. Nohember.

Pembinaan-nya siap dlm bulan Januari

SERIA. — Kerja2 pembinaan sa-buah sekolah Melayu dan kuarters bagi guru2 di-Panaga, Seria sekarang 75 peratus telah selesai dan di-jangka akan siap menjelang bulan Januari tahun depan.

Sekolah dan kuarters itu menelan belanja sa-banyak \$245,000.

Ia-nya di-bina atas tapak sa-luas lima ekar berdekatan dengan Ibu Pejabat Pulis Panaga.

Sekolah tersebut mempunyai 6 buah bilek darjah, pejabat2 pentabiran dan 4 buah kuarters bagi guru2.

Apabila siapa nanti, sekolah itu akan menempatkan kanak2 yang tinggal di-kawasan tersebut termasuk mereka yang tinggal di-Ibu Pejabat Pulis Panaga itu.

Pada masa ini, kanak2 di-kawasan itu mendapat pelajaran mereka dari Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria.

Sementara itu kerajaan sedang mengeluarkan tawaran2 bagi pembinaan sa-buah sekolah agama dan kerja2 yang berkaitan dengan-nya di-Seria.

Sa-orang juruchapak Jabatan Kerja Raya di-Kuala Belait berkata pembinaan itu termasuk pembinaan tiga blok bangunan sekolah, sa-buah blok pertadbiran dan sa-buah blok dapur dan dewan.

Pembinaan besi2 konkret sapanjang 40 kaki dan lain2 kerja yang berkaitan juga termasuk dalam tawaran tersebut.

Sekolah itu akan di-bina di-sebuah tapak dekat Maktab Anthony Abell, Seria.

JAWATAN2 KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN

Sa-bagai Penda'awa Mahkamah Kadzi

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penda'awa Mahkamah2 Kadzi di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Hendak-lah berumur tidak kurang 25 tahun.
- Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam. Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama tiga tahun. Mesti-lah tahu menulis dan membacha jawi; atau

Pegawai2 yang sedang berkhid-

Sa-bagai Penjaga Asrama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penjaga Asrama di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kekosongan itu ia-lah bagi Sekolah Menengah Melayu Sultan Hasan, Bangar, Temburong. (1 jawatan lelaki)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah telah lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya hendak-lah sebaik2-nya mempunyai pengalaman dalam penyeliaan dan pengu-rusan sa-buah asrama termasuk pengalaman memasak makanan Melayu serta berumur di-antara 25 hingga 45 tahun.

Tugas2:

- Menjaga asrama dan pekerja2-nya (Penumpang2, Tukang2 Masak dan Pemberseh2).
- Menjaga, membeli belah dan memereksa barang2 yang di-bekalkan, menyediakan jadual2 makan serta makan minum di-asrama.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB.5 — \$410x20-510-540x20-660/EB/690 x20-750. Gaji permulaan bergantungan kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyerahkan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 17hb. Nohember, 1973.

Sa-bagai Pelayan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk dilantik sa-bagai Pelayan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB. 4-5-\$180x5-240 / EB / 245x5-260x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 12hb. Nohember, 1973.

mat dengan Kerajaan dalam Perjawatan Tetap tidak kurang dari 7 tahun dan mempunyai pengetahuan Ugama Islam. Mesti-lah-tahu menulis dan membacha jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$710 30-950.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ke-

tua Jabatan itu hendak-lah menyerahkan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb. Disember, 1973.

Tawaran barang2 mentah Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah 1974

Pemborong2 tempatan ada-lah di-pelawa menghantar tawaran mereka untuk membekalkan barang2 mentah bagi keperluan Sekolah Menengah Arab yang tersebut di-atas.

2. Segala tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengurus, Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokkan dalam sampul surat berdaftar (sealed) dan sampul tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG2 MENTAH SEKOLAH MENENGAH ARAB LELAKI HASSANAL BOLKIAH" tanpa membubuh nama pengirim.

3. Wang chengkeram mengenai tawaran tersebut hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Kewangan sa-banyak \$50.00 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga 3.00 petang.

4. Semua tawaran2 hendak-lah sampai kepada Pengurus, Lembaga Tawaran tidak lewat dari 20hb. Nohember, 1973 jam 12.00 tengah hari dan jika ada sa-barang tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

5. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Pengetua Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Batu 14, Jalan Tutong Brunei pada bila2 masa waktu sekolah itu di-buka.

6. Pemborong2 yang berjaya akan memulakan perkhidmatan ini mulai 1hb. Januari hingga 31hb. Disember, 1974.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima sa-barang tawaran2 yang lebih murah atau seumpama-nya.

Tawaran barang2 mentah Sekolah Menengah Ugama Raja Isteri Anak Damit 1974

Pemborong2 tempatan ada-lah di-pelawa menghantar tawaran mereka untuk membekalkan barang2 mentah bagi keperluan Sekolah Menengah yang tersebut di-atas.

2. Segala tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengurus, Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokkan dalam sampul surat berdaftar (sealed) dan sampul tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG2 MENTAH SEKOLAH MENENGAH UGAMA RAJA ISTERI ANAK DAMIT" tanpa membubuh nama pengirim.

3. Wang chengkeram mengenai tawaran tersebut hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Kewangan sa-banyak \$50.00 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga 3.00 petang.

4. Semua tawaran2 hendak-lah sampai kepada Pengurus, Lembaga Tawaran tidak lewat dari 20hb. Nohember, 1973 jam 12.00 tengah hari dan jika ada sa-barang tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

5. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Pengetua Sekolah Menengah Ugama Raja Isteri Anak Damit Batu 14, Jalan Tutong Brunei pada bila2 masa waktu maktab itu di-buka.

6. Pemborong2 yang berjaya akan memulakan perkhidmatan ini mulai 1hb. Januari hingga 31hb. Disember, 1974.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima sa-barang tawaran2 yang lebih murah atau seumpama-nya.

Tawaran barang2 mentah Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan 1974

Pemborong2 tempatan ada-lah di-pelawa menghantar tawaran mereka untuk membekalkan barang2 mentah bagi keperluan Maktab yang tersebut di-atas.

2. Segala tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengurus, Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokkan dalam sampul surat berdaftar (sealed) dan sampul tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG2 MENTAH MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN 1974" tanpa membubuh nama pengirim.

3. Wang chengkeram mengenai tawaran tersebut hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Kewangan sa-banyak \$50.00 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga 3.00 petang.

4. Semua tawaran2 hendak-lah sampai kepada Pengurus, Lembaga Tawaran tidak lewat dari 20hb. Nohember, 1973 jam 12.00 tengah hari dan jika ada sa-barang tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

5. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Batu 14, Jalan Tutong Brunei pada bila2 masa waktu maktab itu di-buka.

6. Pemborong2 yang berjaya akan memulakan perkhidmatan ini mulai 1hb. Januari hingga 31hb. Disember, 1974.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima sa-barang tawaran2 yang lebih murah atau seumpama-nya.

(Haji Abdullah Metassan)

b/p Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

PEMBERSEHAN KAWASAN PERUSAHAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerja2 bagi membuka satu kawasan sa-luas 87 ekar untuk menempatkan komplek2 perusahaan sedang giat di-lancarkan sekarang ini.

Pembukaan kawasan itu menelan belanja dua juta ringgit dan letak kawasan itu ia-lah di-antara Kampong Serasa dan Kampong Mesjid Lama di-Muara.

Sa-orang juruchapak Kerajaan hari menyatakan bahawa kerja2 bagi pembersehan telah pun selesai dan penyempurnaan kawasan peringkat pertama sa-luas 52 ekar di-jangka selesai dengan di-lengkapi oleh kemudahan2 bekalan ayer dan letrek dalam bulan Jun tahun hadapan.

Selesai saja kerja2 itu, kata-nya, ada-lah di-harapkan akan dapat di-dirikan kilang2 perusahaan termasuk kilang memproses sagu seperti mana yang telah di-hadapkan kepada Kerajaan.

Peringkat permulaan bagi pembinaan jalan2 raya di-sekitar kawasan itu sekarang ini telah pun siap dan jalan2 itu kemudiannya akan di-buboh dengan tar.

Penyiataan dan pembuatan plan bagi pembinaan jambatan yang menyeberangi Sungai Mensulong yang terkandung dalam kawasan itu telah pun selesai. Tender untuk membina jambatan sepanjang kira2 lebih dari 30 kaki itu akan di-keluarkan segera dan ada-lah di-jadualkan bahawa pembinaan jambatan itu akan selesai dalam bulan Mei tahun depan.

Kerja2 kawasan peringkat kedua sa-luas 19 ekar telah juga giat di-jalankan termasuk kerja2 menombok. Kawasan ini akan siap di-perbekalkan dengan ayer dan letrik pada penghujung tahun depan.

16 ekar lagi dalam kawasan itu sudah pun siap di-bersehan dan ia-nya ada-lah di-untukkan sa-bagai kawasan simpanan sekiranya di-kehendaki bagi perkembangan perusahaan pada masa yang akan datang.

Pelaksanaan pembinaan kawasan itu ada-lah di-kendalikan oleh Jabatan Kerja Raya, sementara Unit Perancang Ekonomi di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan sentiasa mengikuti perjalanan rancangan itu berpandukan kepada Rangkaian Kerja dan laporan2 yang di-hadapkan oleh Jabatan Kerja Raya.

Pagi semalam sa-rombongan pegawai2 dari Unit itu telah pun mengadakan tinjauan ka-kawasan perusahaan itu dengan di-pandu oleh Jurutera Kanan Jabatan Kerja Raya, Awang A.M. Minano.

Tahniah kepada yang berjaya

(Dari muka 1)

Beliau mendapat tempat yang ke-19 dalam pertandingan itu dengan mendapat markah sa-banyak 77.6 mata.

Ketiga2 wakil Brunei itu dan rombongan yang di-ketuai oleh Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama. Awang Haji Abdullah bin Metassan telah selamat pulang ka-tanah ayer pada hari Jumaat lepas.

Di-Lapangan Terbang Antara Bangsa di-Berakas kepulauan mereka itu telah di-sambut dengan pukulan hadhrah bagi mengucapkan tahniah atas kemenangan yang di-perolehi oleh mereka.

Dalam satu kenyataan khas bagi mengalu2kan kemenangan Brunei itu, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Uta-

Sekolah2 di-buka semula bulan depan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Semua sekolah2 rendah dan menengah Melayu, Inggeris dan Arab akan di-buka semula awal bulan depan sa-telah menghabiskan chuti lebih sa-bulan dalam bulan puasa.

Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit dan Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah akan di-buka pada hari Ahad 4hb. Nobember sementara sekolah2 rendah, dan menengah Melayu dan sekolah2 Inggeris Kerajaan dan maktab2 di-buka pada hari Isnin 5hb. Nobember.

Sekolah2 Ugama rendah seluroh negeri juga di-buka pada hari Isnin 5hb. Nobember.

Mereka yang terpilih masuk ka-Sekolah Menengah Arab

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Sa-ramai 31 orang murid lelaki dan perempuan telah terpilih untuk melanjutkan pelajaran mereka ka-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah dan Raja Isteri Anak Damit bagi tahun 1974.

Sa-ramai 15 orang dari penuntut2 itu akan melanjutkan pelajaran mereka ka-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah.

Mereka ia-lah Awang Johar bin Mohamad, Awang Mustapa bin Saban, Awang Moha-

med Harun bin Jais, Ag. Rosli bin Jumat, Awg. Ibrahim bin Alikhan, Awang Harun bin Juned, Awang Abdul Muin bin Hassan.

Awang Nordin bin Ahmad. Awg. Mohamed Ali bin Haji Sabtu, Awang Matamid bin Tuah, Awang Zunaidi bin Zaman, Awang Idris bin Sulaiman, Awang Hamdan bin Bakar, Awang Issa bin Abdul Ghani dan Awang Mohamed Ariff bin Jumat.

Sa-ramai 16 orang lagi akan melanjutkan pelajaran mereka ka-Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit. Mereka ia-lah Dayang Zakiah binte Taib, Dayang Saipah binte Haji Tuah, Dayang Munah binte Puteh, Dayang Kasmah binte Hashim, Dayang Kulam binte Embran, Dayang Sarimah binte. Ahmad, Dayang Noriah binte Abdul Hamid.

Dayangku Sabah binte Pengiran Momin, Dayang Aidah binte Haji Tengah, Dayang Rahimah binte Abas, Dayang Saadiah binte Morsidi, Dayang Fatimah binte Ahmad, Dayang Chuchu binte Kassim, Dayang Latifah binte Ali dan Dayang Rohani binte Hashim. Semua penuntut2 itu akan mula belajar di-sekolah tersebut pada awal minggu pertama bulan Januari tahun 1974.

Pejabat S.P.A. pindah ka-bangunan baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan Awam telah pindah ka-bangunan baru mulai 18hb. Oktober yang lalu.

Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan Awam yang baru itu terletak di-Jalan Stoney berhampiran dengan Jabatan Perikanan.



Kapal terbang jenis Super VC-10

Hubongan udara London / Brunei bermula minggu depan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penerbangan pertama kapal terbang Super VC-10 kepunyaan Sharikat Penerbangan British — BOAC akan di-jadualkan tiba di-Lapangan Terbang Antara Bangsa Brunei awal minggu hadapan untuk memulakan perkhidmatan udara sa-minggu sekali antara London/Brunei.

Kapal terbang itu akan tiba pada hari Isnin 29hb. Oktober kira2 jam 4.50 petang.

Kapal terbang yang di-buat oleh British Aircraft Corporation — BAC itu mempunyai 16 tempat duduk kelas pertama dan 123 tempat duduk kelas biasa.

Kapal terbang Super VC-10 itu mempunyai empat buah ingin Rolls Royce Conway yang terletak di-bahagian belakang pesawat tersebut.

Penerbangan ka-London akan berlepas pada tiap2 hari Selesa jam 9.00 pagi dan tiba di-Singapura pada jam 10.40 pagi. Kapal terbang itu berlepas ka-London pada sebelah petang-nya.

BOAC ada-lah sharikat penerbangan yang ke-empat mendarat di-lapangan terbang antara bangsa Brunei yang baru itu.

Lain2 sharikat penerbangan ia-lah Sharikat Penerbangan Cathay Pacific, Sharikat Penerbangan Singapura — SIA dan Sistem Penerbangan Malaysia — MAS.

Barang purba

BANDAR SERI BEGAWAN. — Muzium Brunei baru2 ini telah menerima sa-biji mangkok, sa-biji tempayan dan pecahan tembikar dari Awang Lee Pin Chai sa-orang pekerja di-Sharikat Wein Kee.

Barang2 itu di-dapati tertanam dalam tanah kira2 tiga kaki di-Kampung Kiulap ketika Awang Lee meratakan tanah untuk tapak sa-buah bangunan di-kampung itu.

Mangkok dan tempayan itu diperchayai berasal dari Negeri Siam sementara pecahan tembikar berasal Negeri China. Kedua2 benda itu di-taksir telah di-buat dalam abad ke-15.

Kurator Muzium, P.M. Sharifuddin telah mengucapkan terima kasih kepada Awang Lee Pin Chai atas kerjasaman beliau menyerahkan benda2 purba itu ka-Muzium Brunei.

Beliau mengingatkan orang ramai yang menjumpai sa-barang benda yang di-fikirkan boleh di-jadikan bahan sejarah supaya memberi tahu kepada pegawai2 Muzium Brunei.

P.M. Sharifuddin mengharapkan, barang2 yang di-jumpai itu sa-berapa boleh jangan-lah di-angkat atau di-pindah dari tempat asal-nya sa-hingga pegawai2 Museum menjalankan penyiataan.

Beliau menegaskan bahawa harapan sepenoh-nya ia-lah untuk menjalankan penyiataan dan penyelidikan ka-atas benda2 purba itu supaya ia-nya mengandungi sejarah-nya yang lebih luas dan terpelihara.